

PM ucap tahniah cef pastri Malaysia juara dunia

BH - 4/2/2019 m/f: 2

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, mengucapkan tahniah kepada pasukan cef pastri Malaysia yang dinobatkan juara Piala Dunia Pastri 2019 atau Coupe du Monde de la Pâtisserie di Lyon, Perancis.

"Tahniah #TeamMalaysia. Rakyat Malaysia bangga dengan pencapa-

ian ini. Malaysia Boleh!" kata Perdana Menteri menjawab Twitter Sunway University, semalam.

Pasukan Malaysia dianggotai Ketua Cef School of Hospitality, Universiti Sunway, Patrick Siau dan peserta, Tan Wei Loon, Otto Tay dan Loi Ming Ai.

Mereka mengalahkan 20 pasu-

kan lain termasuk dari Jepun dan Itali dalam pertandingan akhir pada 28 Januari lalu.

Hasilkan tiga pencuci mulut

Media tempatan melaporkan, pasukan itu ditugaskan menghasilkan tiga pencuci mulut coklat dengan *crab gran Valrhona*, tiga pen-

cuci mulut pelbagai buah-buahan sejuk beku *Ravifruit*, 15 pencuci mulut yang sama di atas pinggan dan ciptaan seni yang diperbuat daripada gula, coklat dan ais hidrik yang diukir.

Piala Pastri Dunia itu adalah acara antarabangsa yang diadakan setiap dua tahun sekali di

Lyon, Perancis.

Ia diadakan untuk mengiktiraf bakat pastri muda terbaik dari seluruh dunia, dengan proses pemilihan membabitkan lebih 50 pusingan kebangsaan dan empat acara pemilihan dari benua Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Latin.

BERNAMA